

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada laporan baru-baru ini oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang melaporkan kadar kemiskinan (poverty) di Malaysia yang bercanggah dengan status kemiskinan yang dilaporkan oleh Kerajaan adalah tepat ataupun tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab mengenai isu kemiskinan di Malaysia di Dewan yang mulia ini pada 7 Oktober 2019 yang lalu.
2. Laporan End of Mission Statements oleh Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Profesor Philip Alston telah mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat. Kerajaan mengambil maklum laporan tersebut namun perlu dijelaskan di sini bahawa kadar kemiskinan rasmi di Malaysia dikira berdasarkan cerapan data Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS – Household Income Survey) yang selaras dengan piawaian antarabangsa. Kementerian Hal Ehwil Ekonomi (MEA) telah meneliti laporan tersebut dan mendapati beberapa komen dan kenyataan beliau berikan tidak tepat. Metodologi penyiasatan beliau juga tidak menggunakan kaedah kajian secara saintifik dan empirikal.

3. Dalam mengukur kemiskinan mutlak di Malaysia, Kerajaan mengguna pakai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK merupakan pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan aktif. Kaedah ini mengambil kira ciri-ciri demografi isi rumah iaitu saiz ahli isi rumah, umur, jantina dan lokasi isi rumah (wilayah, negeri, bandar atau luar bandar).

4. PGK pada keseluruhannya merangkumi PGK makanan dan PGK bukan makanan. Penentuan keperluan PGK makanan adalah berasaskan kepada keperluan minimum tenaga atau kalori bagi setiap ahli isi rumah yang mengambil kira piramid makanan dan amalan pemakanan seimbang. PGK bukan makanan pula ditentukan oleh perbelanjaan sebenar berasaskan pola perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia yang merangkumi perbelanjaan pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan-keperluan bukan makanan lain.

5. Sesebuah isi rumah dikategori sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulannya kurang daripada PGK makanan. Manakala, sesebuah isi rumah dikategori sebagai miskin sekiranya pendapatan bulanan mereka kurang daripada PGK keseluruhan (PGK makanan dan PGK bukan makanan).

6. Sumber data utama yang digunakan untuk menentukan nilai PGK Malaysia adalah Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA), Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) dan data harga daripada Indeks Harga Pengguna oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

7. PPIR&KA adalah berdasarkan *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition (2011)* yang diterbitkan oleh *United Nations* dan diterima pakai di peringkat antarabangsa. PPIR&KA melibatkan persampelan lebih kurang 88 ribu isi rumah dari 6.97 juta isi rumah di Malaysia.

8. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan PPIR&KA pada tahun 2016, PGK keseluruhan di peringkat nasional adalah RM980 dan berdasarkan PGK tersebut, insiden kemiskinan mutlak di Malaysia adalah 0.4 peratus melibatkan 24,700 isi rumah.

9. Bagi menambah baik model PGK sedia ada, Kerajaan sebenarnya telahpun memulakan kajian semula PGK sejak bulan Mac 2019. Pelaksanaan kajian semula ini sedang giat dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi berkaitan.

10. Sementara itu, bagi pengukuran kemiskinan yang lebih inklusif selaras dengan amalan antarabangsa, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) juga telah diperkenal dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11). MPI mengukur dan memantau kemiskinan dalam perspektif pelbagai dimensi merangkumi kesihatan, pendidikan, taraf hidup (*living standard*) dan pendapatan.

11. Sehubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan meneruskan libat urus dengan pemegang taruh berkaitan pelaksanaan MPI dalam perancangan dan penggubalan dasar, strategi serta inisiatif ke arah pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif dan berkesan bermula pada Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) berdasarkan semangat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Sekian, terima kasih.